

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 March 2016

## Hadiri majlis Mahathir bukan tanda Pas beri sokongan

**KUALA LUMPUR 8 Mac** - Kebenaran yang diberi kepada dua pemimpin Pas menghadiri majlis Pakatan Mahathir-pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri minggu lepas bukan bermakna parti menyokong majlis itu, kata Ketua Penerangan Pas Pusat, Nasruddin Hassan.

Beliau berkata, kehadiran Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali dan Ketua Penerangan Dewan Ulama, Datuk Dr. Khairuddin Aman Razali adalah sebagai wakil Pas bagi mengetahui maklumat terperinci mengenai majlis tersebut untuk dinilai dan dikaji.

"Kalau ia baik kepada rakyat, untuk negara tidak mengapa, tapi seki-

ranya ia bertentangan dengan prinsip Pas, parti akan tolak. Sebab itu kami hantar wakil, kami tidak mahu maklumat daripada pihak ketiga, keempat dan sebagainya," katanya di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata, Pas akan mengadakan mesyuarat bagi memutuskan prinsip parti, sama ada menerima atau menolak majlis yang diketuai bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menyingkirkan Datuk Seri Najib Tun Razak.



NASRUDDIN HASSAN

Dalam pada itu katanya, Pas tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap dua lagi pemimpin parti iaitu Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dan Ahli Dewan Undangan Negeri Salor, Datuk Husam Musa kerana mereka hadir pada majlis itu atas kapasiti peribadi.

"Kami tidak isytihar itu sebagai satu kesalahan sebab ia peribadi dan majlis itu bukanlah memberi kemudahan dan kerugian kepada parti," katanya. - HERNAMA

um - 9/3/2016